



**KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA
JABATAN TENAGA MANUSIA**

**GARIS PANDUAN PELAKSANAAN
KURSUS JANGKA PENDEK
INSTITUSI LATIHAN JABATAN TENAGA MANUSIA**

28 OKTOBER 2022

KANDUNGAN	MUKASURAT
1. TUJUAN	4
2. LATAR BELAKANG	4
3. TAFSIRAN	5
4. SENARAI RINGKASAN	6
5. KATEGORI KURSUS PENDEK	8
5.1 MODULAR	8
5.2 <i>CUSTOMISED</i>	9
5.3 <i>PLACE & TRAIN</i>	9
5.4 PENSIJILAN PROFESIONAL	10
5.5 PROGRAM PENGIKTIRAFAN PENCAPAIAN TERDAHULU (PPT) SKM/ DKM	11
5.6 SEMINAR	11
6. SYARAT KELAYAKAN PESERTA	11
7. PENETAPAN KADAR YURAN KURSUS	11
8. PERANCANGAN TAHUNAN	12
9. IKLAN PENGAMBILAN	13
10. SURAT TAWARAN KURSUS	13
11. PENGURUSAN TERIMAAN YURAN KURSUS	13
12. LANTIKAN PEMBEKAL PERKHIDMATAN	15

13. PELAKSANAAN KURSUS		15
14. PENILAIAN KURSUS		16
15. SIJIL KURSUS		16
16. PENYEDIAAN LAPORAN KURSUS		17
17. TARIKH KUAT KUASA		18
18. LAMPIRAN		
LAMPIRAN A	SENARAI KURSUS MODULAR <i>BUKAN-CU</i> YANG DISERAGAMKAN	19
LAMPIRAN B	SENARAI KANDUNGAN KURSUS MODULAR <i>BUKAN-CU</i> YANG DISERAGAMKAN	22
LAMPIRAN C	FORMAT PENGIRAAN YURAN KJP	41
LAMPIRAN D	SURAT KELULUSAN ELAUN PENGAJAR-AKAUN AMANAH JTM	42
LAMPIRAN E	BORANG SOAL SELIDIK PENILAIAN KURSUS JANGKA PENDEK (KJP), INSTITUSI JABATAN TENAGA MANUSIA (ILJTM)	43
LAMPIRAN F	BORANG KAJIAN KEPUASAN MAJIKAN TERHADAP PESERTA KURSUS JANGKA PENDEK (KJP), INSTITUSI JABATAN TENAGA MANUSIA (ILJTM)	51
LAMPIRAN G	BORANG KAJIAN PENGESANAN KURSUS JANGKA PENDEK (KJP), INSTITUSI JABATAN TENAGA MANUSIA (ILJTM)	62
LAMPIRAN H	CONTOH SIJIL PENINGKATAN KEMAHIRAN	71
LAMPIRAN I	CARTA ALIR PROSES KERJA PELAKSANAAN KJP	72
LAMPIRAN J	RINGKASAN PROSES KERJA PELAKSANAAN KJP	74

1. TUJUAN

Panduan ini disediakan sebagai rujukan kepada semua pegawai dan kakitangan di Jabatan Tenaga Manusia (JTM) yang terlibat dalam mengendalikan Kursus Jangka Pendek (KJP). Ia bertujuan menyeragamkan proses kerja di Institusi Latihan Jabatan Tenaga Manusia (ILJTM) khususnya yang berkaitan dengan pelaksanaan KJP.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Pelaksanaan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) di ILJTM secara umumnya terbahagi kepada kursus sepenuh masa dan KJP bagi mencapai matlamat penubuhan JTM melahirkan pekerja mahir bagi sektor perindustrian negara.
- 2.2 KJP kebiasaannya dilaksanakan pada hujung minggu atau luar waktu pejabat mengikut kesesuaian pelanggan dalam usaha memberi latihan dan pembelajaran sepanjang hayat terutamanya kepada golongan pekerja dan orang awam. Pelaksanaan KJP juga menyokong aspirasi Kerajaan untuk mempersiapkan pekerja sedia ada dalam program *Upskilling and Reskilling*.
- 2.3 Statistik bagi lima tahun yang lalu (2017 – 2021) menunjukkan sebanyak 223,145 orang peserta kursus telah mengikuti kursus melalui 9,491 kursus yang telah dilaksanakan. Pendekatan latihan yang di laksana secara dalam talian sejak pandemik Covid-19 telah diterima baik oleh masyarakat dan seterusnya meningkatkan penyertaan peserta di dalam KJP.
- 2.4 Sijil Peningkatan Kemahiran akan diberikan kepada peserta yang menamatkan KJP dengan jayanya. Di samping itu, peserta juga layak mendapat sijil kompetensi daripada badan pensijilan seperti Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK), Suruhanjaya Tenaga (ST) dan lain-lain bergantung kepada penetapan syarat dan kaedah pelaksanaan KJP yang ditawarkan.

3. TAFSIRAN

Dalam panduan ini, tafsiran yang dimaksudkan adalah seperti berikut:

Bahagian Kawalan Teknikal bermaksud Bahagian yang mengendalikan kawalan kualiti latihan di Jabatan Tenaga Manusia.

Peserta KJP bermaksud individu yang menyertai KJP anjuran ILJTM.

Badan pensijilan bermaksud agensi kerajaan atau swasta peringkat negara dan antarabangsa yang mengiktiraf kelayakan kemahiran yang dimiliki oleh seseorang.

Institusi Latihan Jabatan Tenaga Manusia (ILJTM) bermaksud institusi latihan di bawah JTM yang terdiri dari Institut Teknikal Jepun Malaysia (JMTI), *Advanced Technology Training Center* (ADTEC) dan Institut Latihan Perindustrian (ILP).

Pengurus Program bermaksud pegawai yang dipertanggungjawabkan untuk menguruskan KJP di institut dan kebiasaannya ialah pegawai yang bertugas di *Community And Employment Support Services (CESS)* atau mana-mana pegawai yang dilantik oleh Pengarah Institut.

4. SENARAI RINGKASAN

ADTEC	<i>Advanced Technology Training Center</i>
ASNT	<i>The American Society for Nondestructive Testing</i>
BKT	Bahagian Kawalan Teknikal
CIDB	<i>Malaysia Construction Industry Development Board</i>
CPD	<i>Continuing Professional Development</i>
CSTP	Juruteknik Bertauliah
CSWIP	<i>Certification Scheme for Welding and Inspection Personnel</i>
CU	<i>Competency Unit</i>
EFT	<i>Electronic Fund Transfer</i>
e-KJP	Elektronik Kursus Jangka Pendek
HRDCorp	<i>Human Resource Development Corporation</i>
ILJTM	Institusi Latihan Jabatan Tenaga Manusia
ILP	Institut Latihan Perindustrian
JAS	Jabatan Alam Sekitar
JKKP	Jabatan Keselamatan dan kesihatan Pekerjaan
JPAA	Jawatankuasa Pengurusan Akaun Amanah
JPK	Jabatan Pembangunan Kemahiran
JTM	Jabatan Tenaga Manusia
KJP	Kursus Jangka Pendek
LO	Pesanan Tempatan
MBOT	<i>Malaysia Board of Technologists</i>
MoA	Memorandum Perjanjian (Memorandum of Agreement)
MoU	Memorandum Persefahaman (<i>Memorandum of Understanding</i>)

NOSS	Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan <i>(National Occupational Skills Standard)</i>
PENJANA	Program Jana Semula Ekonomi Negara
PERKESO	Pertubuhan Keselamatan Sosial
PO	<i>Purchase Order</i>
PPT	Program Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu
PRE	Pakej Rangsangan Ekonomi
PSMB	Pembangunan Sumber Manusia Berhad
RACs	Sektor Penyejukbekuan dan Penyaman Udara <i>(Residential Air Conditioning)</i>
RPEL	<i>Recognition of Prior Experiential Learning</i>
SIP	Skim Insurans Pekerja
SLDN	Skim Latihan Dual Nasional
ST	Suruhanjaya Tenaga
TVET	<i>Technical and Vocational Education and Training</i>
TWI	<i>The Welding Institute</i>
KEW	Bahagian Kewangan Institut
BPPA	Bahagian Pembangunan dan Pengurusan Aset

5. KATEGORI KURSUS JANGKA PENDEK

KJP yang dilaksanakan di ILJTM boleh dibahagikan kepada enam kategori utama iaitu;

- (i) Kursus modular,
- (ii) Kursus *customised*,
- (iii) *Place & Train*,
- (iv) Pensijilan Profesional,
- (v) *Recognition of Prior Experiential Learning* (RPEL)/ Program Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPT); dan
- (vi) Seminar.

5.1. KURSUS MODULAR

- (i) Kursus modular ialah kursus jangka pendek yang dibangunkan berasaskan topik atau sub-topik yang terkandung dalam kurikulum kursus sepenuh masa di ILJTM. Walau bagaimanapun, ILJTM boleh menambah baik kandungan kursus modular berdasarkan perkembangan semasa di industri agar penawaran mendapat permintaan tinggi daripada peserta.
- (ii) Kursus ini dikategorikan kepada dua iaitu Modular CU dan Modular Bukan-CU. Modular CU ialah kursus yang menjurus kepada *Competency Unit* (CU) dalam *National Occupational Skills Standard* (NOSS) yang dikeluarkan oleh JPK. Pelaksanaan ini perlu mematuhi syarat yang ditetapkan oleh JPK. Manakala kursus Modular Bukan-CU ialah kursus yang dilaksanakan selain tajuk CU dalam NOSS, dan kursus tersebut tidak semestinya mengikut kursus sepenuh masa yang ditawarkan oleh ILJTM berkaitan.
- (iii) ILJTM perlu menyediakan kandungan kursus, tempoh kursus dan menetapkan kadar yuran terlebih dahulu sebelum mengiklankan pengambilan KJP ini. ILJTM digalakkan menyediakan dan menghebahkan takwim pelaksanaan kursus Modular Bukan-CU setiap awal tahun bagi memudahkan peserta untuk memohon. Bagi tujuan penyeragaman tajuk, kandungan, tempoh dan yuran, ILJTM boleh menawarkan kursus Modular

Bukan-CU yang telah diselaraskan oleh Ibu pejabat JTM seperti di **Lampiran A dan Lampiran B.**

5.2 KURSUS *CUSTOMISED*

Kursus *customised* dibangunkan dengan merujuk kepada permintaan serta perbincangan dengan pelanggan. ILJTM boleh menawarkan kursus dengan menggunakan kepakaran dalaman ataupun kaedah *outsourcing* dalam pelbagai bidang sama ada kursus teknikal, bukan teknikal atau gabungan kedua-duanya. Walau bagaimanapun, lokasi pelaksanaan kursus *customised* kebiasaannya dilaksanakan di premis ILJTM. Penetapan kadar yuran kursus adalah seperti mana yang diterangkan dalam garis panduan ini.

5.3 *PLACE AND TRAIN*

Place and Train ialah satu inisiatif untuk mendapatkan dan menyediakan pekerjaan kepada rakyat Malaysia terutamanya bagi siswazah, lepasan sekolah dan pekerja diberhentikan dengan menyertai kursus latihan berkaitan nilai tambah yang diperlukan oleh industri terpilih. Selepas tamat latihan, peserta akan ditempatkan di industri yang telah bersetuju pada awalnya untuk mendapatkan pekerja yang tertentu.

(i) TVET TALENT

TVET *talent* menggabungkan pembelajaran teori dan amali yang dilaksanakan di ILJTM dan di tempat kerja dengan kerjasama pihak majikan. Pembelajaran teori dijalankan secara sepenuh masa di ILJTM dan latihan amali dijalankan di industri. Latihan adalah menjurus kepada bidang pekerjaan. Selepas tamat latihan, peserta akan mendapat penempatan pekerjaan.

(ii) SISTEM LATIHAN DUAL NASIONAL (SLDN)

Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) adalah konsep latihan yang dibangunkan oleh JPK, di mana latihan ini menggabungkan aspek teori

dan amali yang dijalankan di ILJTM dan di tempat kerja dengan kerjasama pihak majikan. Peserta yang mengikuti program ini digelar perantis. Latihan dilaksanakan dalam dua situasi pembelajaran iaitu:

- a. tempat kerja yang sebenar (syarikat) yang merangkumi 70% hingga 80% latihan amali; dan
- b. pusat latihan yang merangkumi 20% hingga 30% pembelajaran teori.

Bagi tujuan ini, mohon rujuk panduan JPK yang sedang berkuat kuasa.

5.4 KURSUS PENSIJILAN PROFESIONAL

Kursus pensijilan profesional ialah kursus di mana peserta akan mendapat sijil yang:

- (i) dianugerahkan atau diiktiraf oleh sesuatu badan yang mempunyai kuasa untuk mengawal selia pekerjaan dalam sesuatu bidang, contoh Kad Personel Binaan oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (Construction Industry Development Board [CIDB]), Penjaga Jentera oleh ST, Pembaikpulih Dandang Stim oleh Jabatan Keselamatan dan kesihatan Pekerjaan (JKKP), dan Juruteknik Bertauliah (CSTP) Sektor Penyejukbekuan dan Penyaman Udara (RACs) oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan kursus *Continuing Professional Development* (CPD) yang diiktiraf oleh Lembaga Teknologis Malaysia (Malaysia Board of Technologist [MBOT]) seperti kursus *Drone Operation for Aerial Photography, Videography and Monitoring*; dan
- (ii) dianugerahkan oleh industri bagi mengiktiraf tahap kemahiran individu dalam sesuatu bidang contohnya *Certification Scheme for Welding and Inspection Personnel (CSWIP)* oleh *The Welding Institute* (TWI), Gentian Optik-Pemasangan, Penyambungan, Ujian dan Penyelenggaraan oleh Telekom Malaysia dan *ASNT Certification Services* oleh *American Society for Nondestructive Testing* (ASNT).

5.5 PENGIKTIRAFAN PENCAPAIAN TERDAHULU (PPT)

Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPT)/ *Recognition of Prior Experiential Learning* (RPEL) ialah satu kaedah bagi mengiktiraf mana-mana individu yang boleh membuktikan pengalaman dan pencapaian terdahulu yang dimiliki memenuhi keterampilan seperti yang digariskan dalam NOSS. Bagi tujuan ini, mohon rujuk panduan JPK yang sedang berkuat kuasa.

5.6 SEMINAR

Seminar ialah sesi syarahan kepada sekumpulan peserta yang biasanya dijalankan dalam kumpulan yang besar. Seminar ini merupakan perkongsian sesuatu topik dalam bidang tertentu dalam tempoh sekurang-kurangnya satu (1) jam, yang dijalankan secara bersemuka atau dalam talian.

6. SYARAT KELAYAKAN PESERTA

Semua kursus yang ditawarkan adalah tertakluk kepada pra-syarat kelayakan setiap kursus berkaitan. Walau bagaimanapun, kursus-kursus khas di mana kerajaan membiayai latihan tersebut secara bersasar, seperti kursus-kursus di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi (PRE) dan Program Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA), adalah terbuka untuk warganegara Malaysia sahaja.

7. PENETAPAN KADAR YURAN KURSUS

- 7.1 Secara umumnya kadar yuran KJP dikira berdasarkan sewaan mesin, penggunaan elektrik, bayaran pengajar dan kos bahan guna habis. Nisbah pengajar dengan bilangan peserta kursus adalah yang bersesuaian dengan tahap kesukaran kursus. Walau bagaimanapun, ILJTM boleh memasukkan kos makan minum dan penginapan jika terdapat keperluan oleh peserta atau pihak majikan. Bagi tujuan pengiraan yuran kursus, ILJTM boleh menggunakan templat pengiraan seperti di **Lampiran C**.

- 7.2 Bagi kursus pensijilan profesional, kadar yuran kursus perlu mengambil kira bayaran kepada pihak ketiga iaitu badan pensijilan tempatan dan antarabangsa. Manakala bagi kursus *customised*, pengiraan kadar yuran kursus perlu juga mengambil kira keperluan tambahan pihak pelanggan berdasarkan perbincangan dengan pihak berkenaan. ILJTM disarankan agar menyimpan dokumen kaedah pengiraan bagi kursus-kursus yang dijalankan di Institut untuk tujuan semakan dan audit.
- 7.3 Kadar elaun pengajar adalah berdasarkan Kumpulan Pengurusan dan Profesional sebanyak RM50/jam dan Kumpulan Sokongan dan Pelaksana sebanyak RM40/jam seperti surat kelulusan dari Kementerian Kewangan bertarikh 5 Mei 2016, seperti mana di **Lampiran D**. Bagi tujuan ini, semua tuntutan bayaran pengajar adalah mengikut Tatacara Kewangan yang sedang berkuat kuasa.

8. PERANCANGAN TAHUNAN

- 8.1 ILJTM perlu menyediakan perancangan tahunan dengan mengenal pasti kursus yang bersesuaian untuk dilaksanakan, menetapkan tarikh, kadar yuran, tempat dan masa kursus yang akan dijalankan.
- 8.2 ILJTM hendaklah menyediakan Anggaran Terimaan Bayaran Yuran Kursus Dan Perbelanjaan (Kos) Pelaksanaan untuk dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Akaun Amanah (JPAA) untuk pertimbangan dan kelulusan Jawatankuasa. Bagi kursus yang melibatkan pembiayaan/ tajaan khas (contohnya yang memerlukan klausa kontrak di antara institut dan pembiaya), terma-terma Memorandum Persefahaman (Memorandum of Understanding [MoU])/ Memorandum Perjanjian (Memorandum of Agreement [MoA]) perlu mendapat kelulusan Jawatankuasa terlebih dahulu sebelum pembentangan cadangan belanjawan tahunan.

9. IKLAN PENGAMBILAN

Senarai KJP yang ditawarkan secara berjadual hendaklah dipaparkan di laman web Institut melalui Sistem e-KJP setiap Institut. ILJTM hendaklah memastikan laman web Institut boleh diakses dan mempunyai ciri yang membolehkan individu untuk membuat permohonan kursus secara *online*.

10. SURAT TAWARAN KURSUS

ILJTM hendaklah mengeluarkan **Surat Tawaran Kursus** kepada pemohon yang berjaya dipilih untuk mengikuti kursus **selewat-lewatnya TIGA (3) hari SEBELUM TARIKH KURSUS BERMULA**. Bagi permohonan kursus yang dibuat oleh organisasi, Surat Tawaran Kursus hendaklah dihantar kepada organisasi tersebut. Antara maklumat yang perlu ada pada surat tawaran adalah seperti berikut:

- (i) maklumat peserta;
- (ii) tajuk kursus;
- (iii) tarikh dan tempat kursus;
- (iv) amaun yuran berserta terma bayaran; dan
- (v) surat setuju terima untuk hadir kursus.

11. PENGURUSAN TERIMAAN YURAN KURSUS

11.1 Yuran kursus perlu dibayar oleh peserta sebelum atau pada hari pertama kursus. Pembayaran boleh dibuat secara tunai/ cek/ kiriman wang/ wang pos/ bank draf/ *Electronic Fund Transfer* (EFT) tertakluk kepada kelulusan Jabatan Akauntan Negeri. Peserta tidak dibenarkan untuk mengikuti kursus jika gagal menjelaskan yuran, kecuali mendapat kelulusan khas daripada Pengarah ILJTM.

11.2 Bayaran yuran kursus boleh diterima selepas tamat kursus dalam situasi seperti berikut:

- (i) Peserta kursus dibiayai oleh Jabatan atau Agensi Kerajaan yang menggunakan Pesanan Tempatan atau *Purchase Order* (PO). Dalam situasi ini, ILJTM hendaklah memastikan bahawa PO diterima sebelum kursus bermula;
- (ii) Peserta kursus dibiayai oleh Agensi Pembiaya Latihan di bawah skim-skim latihan yang diiktiraf oleh Kerajaan contohnya Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) atau Human Resource Development Corporation (HRD Corp) melalui skim-skim latihan yang ditawarkan, atau Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) melalui pembiayaan latihan di bawah Skim Insurans Pekerjaan (SIP); atau
- (iii) Peserta kursus dibiayai oleh organisasi yang mempunyai ikatan kontrak latihan yang sah di sisi undang-undang dengan pihak JTM atau ILJTM, di mana pembayaran yuran kursus perlu mematuhi kaedah yang dipersetujui dalam kontrak tersebut.

11.3 Pungutan bayaran perlu diuruskan oleh Pegawai yang diberi kuasa sebagai Pemungut serta mengikut Tatacara Kewangan yang sedang berkuat kuasa.

11.4 Pegawai yang bertugas mengurus KJP di Institut perlu memberi salinan surat tawaran kursus yang mengandungi maklumat tentang jumlah yuran dan tempoh bayaran kepada Bahagian Kewangan di Institut bagi tujuan kutipan dan rekod.

11.5 Bagi kursus yang tempohnya melebihi 3 bulan, contohnya kursus kekompetenan yang melibatkan pensijilan oleh ST, pihak Institut disarankan agar membahagikan kursus tersebut kepada modul-modul yang lebih pendek dan menetapkan kadar bayaran yuran bagi setiap modul. Bayaran yuran bagi

sesuatu modul hendaklah dijelaskan sebelum peserta mengikuti modul tersebut.

- 11.6 Bagi kursus yang melibatkan peperiksaan, peserta perlu menjelaskan yuran penuh sebelum dibenarkan mendaftar bagi menduduki peperiksaan.
- 11.7 Dokumen-dokumen seperti kontrak latihan dan surat tawaran pembiayaan perlu difailkan dan disimpan bagi tujuan pengauditan.

12. LANTIKAN PEMBEKAL PERKHIDMATAN

- 12.1 Sekiranya kursus yang bakal dijalankan akan melibatkan Pembekal Perkhidmatan, ILJTM perlu mengeluarkan surat pengesahan atau surat lantikan kepada penyedia perkhidmatan tersebut. Surat hendaklah disimpan dan disalin kepada Bahagian yang berkaitan.
- 12.2 Pesanan Tempatan (LO) perlu dibuat sebelum sesuatu kursus bermula. Tatacara Kewangan Kerajaan semasa yang sedang berkuat kuasa perlu dipatuhi termasuk Tatacara Akaun Amanah ILJTM berdasarkan kepada Surat Iktan Amanah ILJTM yang telah diluluskan. Perancangan perolehan perlu dibuat bagi perolehan bahan-bahan berkaitan pelaksanaan kursus yang dapat diukur dan dikenal pasti seperti bahan guna habis, makan minum dan lain-lain. Kaedah perolehan tertakluk kepada nilai keseluruhan item bagi tahun belanjawan.

13. PELAKSANAAN KURSUS

- 13.1 ILJTM hendaklah memastikan kandungan kursus dilaksanakan seperti dirancang. Kehadiran peserta perlu direkodkan bagi tujuan penyediaan sijil kepada peserta yang layak.

13.2 Bagi kursus yang menawarkan sijil kemahiran dengan badan pensijilan seperti JPK dan ST, pematuhan terhadap garis panduan yang dikeluarkan oleh badan persijilan tersebut wajib dipatuhi.

14. PENILAIAN KURSUS

14.1 Borang Soal Selidik Penilaian KJP ILJTM seperti **Lampiran E** secara dalam talian perlu diedarkan kepada peserta KJP sejeurus selepas peserta tamat kursus. Dapatan kajian perlu dibentangkan di peringkat ILJTM dan rekod hendaklah disimpan bagi tujuan penambahbaikan.

14.2 Borang Kajian Kepuasan Majikan Terhadap Peserta KJP ILJTM seperti di **Lampiran F** perlu diedarkan kepada majikan yang menaja kursus dalam tempoh 3 bulan selepas pekerja menyertai sebarang KJP yang dianjurkan oleh ILJTM.

14.3 Borang Kajian Pengesanan KJP ILJTM seperti **Lampiran G** juga perlu diedarkan kepada peserta KJP selepas 3 bulan menyertai KJP anjuran ILJTM.

15. SIJIL KURSUS

15.1 ILJTM perlu memastikan Borang Soal Selidik Penilaian KJP ILJTM diedarkan kepada peserta, serta peserta menjelaskan bayaran yuran kursus sebelum edaran sijil dibuat. Sijil perlu diedarkan kepada peserta yang telah mengikuti kursus dengan jayanya **selewat-lewatnya dalam tempoh TUJUH (7) hari SELEPAS TAMAT KURSUS.**

Bagi tujuan di atas, sijil yang diedarkan kepada peserta adalah seperti berikut:

- (i) Sijil Peningkatan Kemahiran – bagi Kursus Teknikal seperti kursus Modular, Customised, Pensijilan Profesional (Sijil Peningkatan Kemahiran ini dikeluarkan dahulu). Contoh Sijil Peningkatan Kemahiran seperti di **Lampiran H**;

- (ii) Sijil Penyertaan – Seminar; dan

- (iii) Sijil tersebut perlu mempunyai maklumat berikut;
 - (a) jata negara,
 - (b) nama jabatan,
 - (c) nama kementerian,
 - (d) nama peserta,
 - (e) nombor kad pengenalan/ pasport ,
 - (f) nama kursus,
 - (g) tarikh kursus (tempoh jam),
 - (h) nama penganjur/ iljtm,
 - (i) tandatangan pengarah iljtm,
 - (j) jawatan pengarah iljtm,
 - (k) logo kjp jtm; dan
 - (l) nombor siri sijil,

15.2 Selari dengan perkembangan teknologi maklumat, institut digalakkan untuk menyediakan sijil secara elektronik.

15.3 Sijil yang memerlukan peserta lulus ujian atau penilaian yang tertentu, contohnya sijil dari Badan Pensijilan luar, edaran sijil tambahan ini boleh dibuat selepas peserta lulus ujian dan penilaian yang ditetapkan. Bukti edaran dan penerimaan sijil perlu direkodkan.

16. PENYEDIAAN LAPORAN KURSUS

16.1 Pihak Institut perlu menghantar Laporan Bulanan Pelaksanaan KJP kepada Bahagian Kawalan Teknikal (BKT) di Ibu Pejabat JTM seperti tarikh yang ditetapkan oleh ibu pejabat.

16.2 Sekiranya laporan dihantar selepas tarikh yang dinyatakan, data KJP pada bulan tersebut akan dilaporkan pada bulan berikutnya.

17. CARTA ALIR DAN RINGKASAN PROSES KERJA PELAKSANAAN KURSUS JANGKA MASA PENDEK

Peranan dan tanggungjawab bagi proses berikut ditunjukkan dalam lampiran;

- (i) Carta Alir Proses Kerja Pelaksanaan KJP - **Lampiran I**; dan
- (ii) Ringkasan Proses Kerja Pelaksanaan KJP - **Lampiran J**

18. TARIKH KUAT KUASA

Garis Panduan ini hendaklah diguna pakai di semua ILJTM berkuat kuasa mulai **28 Oktober 2022** dan membatalkan Garis Panduan Pelaksanaan Kursus Jangka Pendek Institusi Latihan Jabatan Tenaga Manusia bertarikh 12 Disember 2018.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

(SHAKIB BIN AHMAD SHAKIR)

Ketua Pengarah

Jabatan Tenaga Manusia,

Putrajaya

SENARAI KURSUS MODULAR BUKAN-CU YANG DISERAGAMKAN

Bil	Tajuk	Tempoh (Jam)	Minimum Peserta	Yuran Kursus Per Peserta (RM)
1	ASAS UKIRAN KAYU TRADISIONAL	32	10	380.00
2	DIESEL FUEL SYSTEM RETIFICATION WORK	40	10	790.00
3	ASAS PENYELENGGARAAN KENDERAAN (KERETA)	16	10	270.00
4	ASAS PENYELENGGARAAN SISTEM PENYAMAN UDARA	16	10	240.00
5	AUTOMATIC TRANSMISSION / TRANSAXLE UNIT	32	10	350.00
6	DIESEL COMMON RAIL FUEL INJECTION SYSTEM	24	10	230.00
7	VEHICLE ENGINE OVERHAUL	32	10	500.00
8	ASAS AUTOCAD	15	10	240.00
9	PEMASANGAN JUBIN LANTAI (TILE INSTALLATION)	16	10	740.00
10	PEMASANGAN PREBBLE WASH (BATU SHANGHAI)	16	10	470.00
11	ASAS KERJA PERPAIPAN	16	10	230.00
12	ASAS LUKISAN ELEKTRIK	48	10	550.00
13	ASAS PENDAWAIAN DOMESTIK	16	10	550.00
14	ASAS PENDAWAIAN INDUSTRI	16	10	1,390.00
15	INSTRUMENTASI	16	10	300.00
16	PENYELENGGARAAN ELEKTRIK	48	10	520.00
17	APPLICATION AND DEVELOPMENT OF PLC SYSTEM	24	10	510.00
18	BASIC METAL FABRICATION	16	10	520.00
19	BASIC ARC WELDING	16	10	350.00
20	BASIC GMAW PROCESS	24	10	680.00
21	BASIC SMAW PROCESS	16	10	510.00

SENARAI KURSUS MODULAR BUKAN-CU YANG DISERAGAMKAN

Bil	Tajuk	Tempoh (Jam)	Minimum Peserta	Yuran Kursus Per Peserta (RM)
22	INTERMEDIATE GMAW PROCESS	32	10	900.00
23	PENGENALAN KEPADA UJIAN TEGANGAN (TENSILE TEST)	8	10	120.00
24	SERVER HARDWARE & SOFTWARE INSTALLATION	16	10	280.00
25	COMPUTER SYSTEM SET-UP (HARDWARE & SOFTWARE)	16	10	280.00
26	PROGRESSIVE DIE DESIGN	16	10	570.00
27	AUTOMATION SYSTEM DESIGN	32	10	370.00
28	AUTOMATION SYSTEM INSTALLATION	40	10	370.00
29	MECHANICAL ASSEMBLY	16	10	380.00
30	MICROCONTROLLER	16	10	380.00
31	BASIC CNC MILLING OPERATIONS	24	10	420.00
32	BASIC TURNING OPERATION	32	10	1,330.00
33	CNC EDM DIE SINKING	32	10	1,030.00
34	CNC EDM WIRE CUT	32	10	780.00
35	INTERMEDIATE CNC MILLING OPERATIONS	16	10	280.00
36	BASIC AIRCRAFT SHEET METAL REPAIR	32	10	950.00
37	BASIC AIRCRAFT WIRING AND LOOMING	24	10	710.00
38	ASAS HIDRAULIK	16	10	590.00
39	ASAS PNEUMATIK	16	10	490.00
40	AUTOMATION SYSTEM MAINTENANCE	32	10	400.00
41	INJECTION MOULDING TROUBLE SHOOTING PROCESS	16	10	230.00

SENARAI KURSUS MODULAR BUKAN-CU YANG DISERAGAMKAN

Bil	Tajuk	Tempoh (Jam)	Minimum Peserta	Yuran Kursus Per Peserta (RM)
42	PLASTIK INJECTION MOULDING OPERATION START-UP	16	10	260.00
43	MAINTENANCE OF SPLIT UNIT AIR-COND	16	10	390.00
44	WATERCOOLED/AIRCOOLED PACKAGE SYSTEM & MAINTENANCE	16	10	1,920.00
45	REKA GRAFIK KREATIF GUNA CANVA	8	10	150.00
46	REKA PENERBITAN MAJALAH / BULETIN: ADOBE INDESIGN	16	10	270.00
47	BASIC KNOWLEDGE OF NON-DESTRUCTIVE TESTING - MAGNETIC PARTICLE TESTING	24	10	770.00
48	BASIC KNOWLEDGE OF NON-DESTRUCTIVE TESTING - PENETRANT TESTING	24	10	760.00
49	KURSUS OPTIK GENTIAN CA1C & CA2C - FIBER TO THE HOME (FTTH)	40	10	1,130.00
50	PLASTIC PROCESSING TECHNOLOGY IN VACUM	8	10	310.00

**SENARAI KANDUNGAN KURSUS MODULAR BUKAN-CU YANG
DISERAGAMKAN**

1. Tajuk : Asas Ukiran Kayu Tradisional

Tempoh Masa : 32 Jam

Yuran : RM 380.00

Kandungan kursus:

Melalui modul ini, peserta akan diberi pendedahan mengenai peralatan dan teknik asas dalam kerja ukir kayu. Jenis alat ukiran yang sesuai dengan kayu, motif atau corak yang hendak diukir dan kerja penyudahan (*finishing*).

2. Tajuk : *Diesel Fuel System Retification Work*

Tempoh Masa : 40 Jam

Yuran : RM 790.00

Kandungan kursus:

Melalui modul ini, peserta akan mempelajari pengetahuan dan kemahiran asas di dalam memasang dan menguji kefungsi injektor enjin diesel. Disamping itu juga peserta akan diterangkan serta diajar bagaimana proses overhaul injektor enjin diesel dan seterusnya membuat pengujian komponen injektor tersebut.

3. Tajuk : Asas Penyelenggaraan Kenderaan (Kereta)

Tempoh Masa : 16 Jam

Yuran : RM 270.00

Kandungan kursus:

Melalui modul ini, peserta akan didedahkan kepada pengenalan asas berkenaan kereta, tujuan penyelenggaraan kereta, teori asas penjagaan kereta, pengenalan kepada perkakasan penjagaan kereta, komponen-komponen asas kenderaan (enjin / tayar / sistem *brake* / sistem penyejukan), penyelenggaraan

asas kereta, latihan amali, kerosakan yang sering berlaku dan cara penyelesaiannya.

4. Tajuk : Asas Penyelenggaraan Sistem Penyaman Udara (Kereta)

Tempoh Masa : 16 Jam

Yuran : RM 240.00

Kandungan kursus:

Melalui modul ini, peserta akan didedahkan kepada pengenalan asas berkenaan kursus, servis, pemeriksaan, prosedur *top up* penyaman udara penyejuk, pulih dan kitar semula, bongkar dan masukkan, caj semula dan pemeriksaan sistem penyaman udara kereta.

5. Tajuk : *Automatic Transmission / Transaxle Unit Overhauling*

Tempoh Masa : 32 Jam

Yuran : RM 350.00

Kandungan kursus:

Melalui modul ini, peserta akan mempelajari cara mengeluarkan transmisi automatik dari kenderaan, mengeluarkan *torque converter*, *disamble* transmisi automatik, memeriksa keadaan komponen penghantaran automatik, mengganti transmisi automatik yang rosak / bahagian komponen luas, memasang komponen transmisi automatik, melaras pemecahan bahagian komponen transmisi automatik, mengisi semula minyak transmisi automatik dan melaraskan *gear shift-linkage* / kabel.

6. Tajuk : *Diesel Common Rail Fuel Injection System Diagnostic*

Tempoh Masa : 24 Jam

Yuran : RM 230.00

Kandungan kursus:

Melalui modul ini, peserta akan menentukan fungsi sistem *common rail*, menentukan fungsi sistem kawalan diesel elektronik, uji tekanan bahan bakar diesel, setup diesel *scan tool* / diagnostik tester untuk melakukan diagnosis sistem, mengendalikan diagnosis sistem bahan bakar diesel alat scan dan semak keadaan komponen sistem bahan bakar diesel.

7. Tajuk : *Vehicle Engine Overhaul*

Tempoh Masa : 32 Jam

Yuran : RM 500.00

Kandungan kursus:

Melalui modul ini, peserta akan menanggalkan untuk dibongkar (koyak), dibersihkan, diperiksa, dibaiki seperti perlu dan diuji menggunakan manual servis kilang yang diluluskan. Prosedur yang terlibat adalah pengasan, cincin ombok baru, bearing, gasket, oil seal. Enjin mungkin dioverhaul ke *New Limit* atau *Service Limits*, atau gabungan dua alat terpakai, bahagian pengeluaran peralatan asli (OEM) baru, atau *new aftermarket parts*.

8. Tajuk : Asas Autocad

Tempoh Masa : 15 Jam

Yuran : RM 240.00

Kandungan kursus:

Melalui modul ini, peserta akan mempelajari asas lukisan kejuruteraan senibina menggunakan perisian Autocad seperti membuat garisan-garisaan, pendimensian dan lain-lain kriteria asas lukisan bantuan komputer.

9. Tajuk : Pemasangan Jubin Lantai (*Tile Installation*)

Tempoh Masa : 16 Jam

Yuran : RM 740.00

Kandungan kursus:

Melalui modul ini, peserta akan didedahkan teknik pemasangan jubin lantai yang betul, bancuhan simen, gam tile yang sekata serta membuat pengujian semasa dan selepas kerja-kerja pemasangan jubin lantai dilakukan mengikut tatacara yang selamat.

10. Tajuk : Pemasangan Prebble Wash (Batu Shanghai)

Tempoh Masa : 16 Jam

Yuran : RM 470.00

Kandungan kursus:

Melalui modul ini, peserta akan didedahkan teknik pemasangan batu shanghai yang betul, bancuhan simen serta batu shanghai yang sekata serta membuat pengujian semasa dan selepas kerja-kerja pemasangan jubin lantai dilakukan mengikut tatacara yang selamat.

11. Tajuk : Asas Kerja Perpaipan

Tempoh Masa : 16 Jam

Yuran : RM 230.00

Kandungan kursus:

Melalui modul ini, peserta akan diajar asas membentuk, memasang dan menyelenggara sistem pemasangan paip domestik, membaca dan mentafsir *blue print*, penggunaan alatan tangan dan mesin, penyambung pelbagai jenis paip domestik dan industri dan pengujian serta pembaikan sistem perpaipan domestik dan industri.

12. Tajuk : Asas Lukisan Elektrik

Tempoh Masa : 48 Jam

Yuran : RM 550.00

Kandungan kursus:

Melalui modul ini, peserta akan mempelajari pengetahuan dan kemahiran asas mengenal pasti spesifikasi lukisan satu fasa, membuat lukisan *layout*, membuat gambar rajah skematik, membuat lukisan pendawaian satu fasa dan memeriksa lukisan satu fasa.

13. Tajuk : Asas Pendawaian Domestik

Tempoh Masa : 16 Jam

Yuran : RM 550.00

Kandungan kursus:

Melalui modul ini, peserta akan mempelajari asas pendawaian elektrik satu fasa, mempelajari pemasangan untuk pendawaian seperti lampu dan soket alir keluar, mendawai peti fuis agihan dan asas lukisan *single line* untuk pendawaian satu fasa.

14. Tajuk : Asas Pendawaian Industri

Tempoh Masa : 16 Jam

Yuran : RM 1,390.00

Kandungan kursus:

Melalui modul ini, peserta akan mempelajari asas pendawaian elektrik tiga fasa, mempelajari pemasangan untuk pendawaian seperti lampu dan soket alir keluar, mendawai peti fuis agihan, mempelajari asas lukisan *triple line* untuk pendawaian tiga fasa.

15. Tajuk : Instrumentasi

Tempoh Masa : 16 Jam

Yuran : RM 300.00

Kandungan kursus:

Melalui modul ini, peserta akan mempelajari tentang asas-asas kawalan proses, pengenalan kepada lukisan P&ID, kaedah penentuukuran peralatan seperti *transmitter, i/p converter, p/i converter* dan *control valve*.

16. Tajuk : Penyelenggaraan Elektrik

Tempoh Masa : 48 Jam

Yuran : RM 520.00

Kandungan kursus:

Melalui modul ini, peserta akan mempelajari pengetahuan dan kemahiran asas pertolongan cemas, asas elektrik, serta aktiviti penyelenggaraan bagi sistem pendawaian satu fasa berdasarkan lukisan dengan menggunakan peralatan, bahan dan alat tangan yang mengikut piawaian akta elektrik 1990 dan yang ditetapkan oleh ST. Peserta juga akan boleh menterjemahkan lukisan pendawaian satu fasa, membuat pemeriksaan dan penyelenggaraan pendawaian elektrik dan melaksanakan pengujian penyambungan kekutuban dan pengujian rintangan pembumian.

17. Tajuk : *Application And Development Of PLC System*

Tempoh Masa : 24 Jam

Yuran : RM 510.00

Kandungan kursus:

Melalui modul ini, peserta akan mengaturcarakan, memasang peralatan, menyelenggara peralatan atau menyelenggara dan menyelesaikan masalah peralatan berasaskan PLC. Antara topik adalah teknologi PLC, konfigurasi perkakasan dan perisian PLC, pendawaian dan konfigurasi input output PLC,

rekabentuk urutan langkah PLC, pengujian dan *debugging*, kawalan, pengujian dan pentauliahan plc, pengujian, pentauliahan dan penyelesaian masalah sistem kawalan PLC.

18. Tajuk : *Basic Metal Fabrication*

Tempoh Masa : 16 Jam

Yuran : RM 520.00

Kandungan kursus:

Melalui modul ini, peserta akan mempelajari pengetahuan keselamatan bengkel dan mesin, pengenalan mesin GMAW, pengenalan tentang proses GMAW, pengenalan logam (*metal*), pengenalan *welding consumable*, pengenalan lukisan kejuruteraan, pengenalan pengukuran dan pemotongan, pengenalan kecacatan (*defect*) kimpalan, amali teknik membaca lukisan kejuruteraan (*drawing*), amali teknik membentuk, amali teknik mengimpal, amali mengenal kecacatan (*defect*) kimpalan dan *quality control* projek.

19. Tajuk : *Basic Arc Welding*

Tempoh Masa : Jam

Yuran : RM 350.00

Kandungan kursus:

Melalui modul ini, peserta akan mempelajari pengetahuan keselamatan bengkel dan mesin, pengenalan mesin SMAW, pengenalan proses SMAW, pengenalan logam (*metal*), pengenalan *welding consumable*, pengenalan pemotongan, pengenalan posisi kimpalan dan teknik mengimpal, pengenalan kecacatan (*defect*) kimpalan, amali teknik pemotongan, amali teknik mengimpal dan amali mengenal kecacatan (*defect*) kimpalan.

20. Tajuk : *Basic GMAW Process*

Tempoh Masa : 24 Jam

Yuran : RM 680.00

Kandungan kursus:

Melalui modul ini, peserta akan mempelajari asas kimpalan gmaw, keselamatan dalam kimpalan dan asas blueprint. Peserta akan melaksanakan 80% pembelajaran secara amali daripada masa kursus di bengkel bagi menyempurnakan kemahiran mereka dalam kimpalan fillet 1F & 2F. Peserta juga turut didedahkan dengan penilaian kualiti dan spesifikasi mengikut piawaian industri.

21. Tajuk : *Basic SMAW Process*

Tempoh Masa : 16 Jam

Yuran : RM 510.00

Kandungan kursus:

Melalui modul ini, peserta akan mempelajari pengetahuan keselamatan bengkel dan kimpalan, bahan kimpalan dan bahan habis, kualiti kimpalan dan pemeriksaan, tafsiran prosedur dan spesifikasi kimpalan, kualiti kimpalan dan pemeriksaan, asas penyelenggaraan mesin kimpalan, latihan kimpalan pada plat keluli karbon ketebal 9 mm dalam manik lurus, padding, lap sendi, corner sendi dan 1f fillet sendi.

22. Tajuk : *Intermediate GMAW Process*

Tempoh Masa : 32 Jam

Yuran : RM 900.00

Kandungan kursus:

Melalui modul ini, peserta akan mempelajari tahap pertengahan kimpalan GMAW. Peserta akan melaksanakan 80% pembelajaran secara amali daripada masa kursus di bengkel bagi menyempurnakan kemahiran dalam kimpalan fillet 3f dan kimpalan butt 3g. Peserta juga turut didedahkan dengan penilaian kualiti dan spesifikasi mengikut piawaian industri.

23. Tajuk : Pengenalan Kepada Ujian Tegangan (*Tensile Test*)

Tempoh Masa : 8 Jam

Yuran : RM 120.00

Kandungan kursus:

Melalui modul ini, peserta akan mendapat pengetahuan berkaitan tensile test /uji tarik merupakan salah satu pengujian untuk mengetahui sifat-sifat suatu bahan. Ujian tegangan dengan menarik suatu bahan dan bahan tersebut bereaksi terhadap tenaga tarikan. Hasil daripada ujian ini, kadar elastisiti dan kekuatan bahan dapat ditentukan dan analisa akan dilakukan berdasarkan graf keputusan yang diperoleh.

24. Tajuk : *Server Hardware & Software Installation*

Tempoh Masa : 16 Jam

Yuran : RM 280.00

Kandungan kursus:

Melalui modul ini, peserta akan mempelajari pemasangan perkakasan server, kenal pasti jenis faktor bentuk server dan prosedur pengendalian komponen perkakasan server, kenal pasti dan semak komponen perkakasan server, pasang komponen perkakasan server, kenal pasti dan semak keperluan perkakasan server, pasang perkakasan sever (rak server, pengurusan kabel, keperluan bilik server), pemasangan perisian server, pemasangan sistem pengendalian server, pemasangan, konfigurasi dan ujian peranti server, konfigurasi awal server, tampalan sistem pengendalian pemasangan dan ujian, konfigurasi server dan tetapan keselamatan dan pemeriksaan status operasi server.

25. Tajuk : *Computer System Set-Up (Hardware & Software)*

Tempoh Masa : 16 Jam

Yuran : RM 280.00

Kandungan kursus:

Melalui modul ini, peserta akan mempelajari pengenalan kepada komputer, pengenalan kepada perkakasan komputer, pemasangan perkakasan dalaman komputer, pemasangan perkakasan peripheral komputer, pemasangan perisian komputer, pengenalan kepada perisian operasi komputer, pengenalan kepada perisian pemacu perkakasan komputer, pengenalan kepada perisian utiliti komputer, pemasangan perisian operasi komputer, pemasangan perisian pemacu perkakasan komputer, pemasangan perisian utiliti komputer dan penggunaan MS DOS (*Microsoft Disk Operating System*).

26. Tajuk : *Progressive Die Design*

Tempoh Masa : 16 Jam

Yuran : RM 570.00

Kandungan kursus:

Melalui modul ini, peserta akan mempelajari fabrik *progressive die* dengan menggunakan lukisan komponen die, bahan yang sesuai, mesin dan urutan proses kerja supaya *progressive die* dibuat mengikut keperluan pembinaan *die*, keperluan struktur *die* dan keperluan lukisan *die*.

27. Tajuk : *Automation System Design*

Tempoh Masa : 32 Jam

Yuran : RM 370.00

Kandungan kursus:

Melalui modul ini, peserta akan membuat rekabentuk sistem automasi industri menggunakan perisian rekabentuk berbantu komputer (CAD) bagi memastikan

rekabentuk dihasilkan memenuhi keperluan spesifikasi rekabentuk, dalam toleransi piawaian, kemas, ringkas dan tepat mengikut spesifikasi produk.

28. Tajuk : *Automation System Installation*

Tempoh Masa : 40 Jam

Yuran : RM 370.00

Kandungan kursus:

Melalui modul ini, peserta akan membuat pemasangan & integrasi sistem automasi industri menggunakan *modular production system*, PLC dan *word processor* supaya sistem pengautomasian industri dapat dipasang, disepadukan, diprogramkan, diuji & disesaikan masalah, dan diperbaiki semula semula mengikut prosedur operasi standard dan keperluan sistem.

29. Tajuk : Mechanical Assembly

Tempoh Masa : 16 Jam

Yuran : RM 380.00

Kandungan kursus:

Melalui modul ini, peserta akan mempelajari teknik membaca lukisan pemasangan, penyediaan komponen mekanikal untuk pemasangan, jenis-jenis alatan tangan dan cara menggunakannya dengan betul, teknik penggunaan *jigs* dan *fixtures* semasa pemasangan, teknik pemasangan menggunakan *bolt* dan *nut* dan *allen key*, teknik pemasangan *bearing*, teknik pemasangan *belt* dan *pulley*, teknik pemasangan *sprocket* dan rantai, teknik pemasangan *gear* dan kaedah pengujian selepas selesai pemasangan.

30. Tajuk : Microcontroller

Tempoh Masa : 16 Jam

Yuran : RM 380.00

Kandungan kursus:

Melalui modul ini, peserta akan mempelajari pengetahuan dan kemahiran asas mikropengawal dan aplikasi penggunaannya, mengenali spesifikasi asas pada mikropengawal seperti bilangan i/o dan spesifikasi pin, penyambungan litar dengan komputer dan cara membuat tetapan pada komputer, mempelajari arahan untuk membina aturcara c / Arduino, cara menggunakan digital input dan digital output seperti menyalakan led, membuat pengaturcaraan bagi analog input dan analog output, memaparkan nilai pada paparan serial monitor, penyambungan litar dengan sensor sebagai input dan pengaturcaraannya dan menyambungkan litar dengan motor dc dan membuat pengaturcaraan untuk mengawal motor.

31. Tajuk : *Basic CNC Milling Operations*

Tempoh Masa : 24 Jam

Yuran : RM 420.00

Kandungan kursus:

Melalui modul ini, peserta akan didedahkan dengan operasi pengisian CNC, asas pengisian CNC, asas pengaturcaraan CNC, bahagian teknik pengaturcaraan, memiliki pengawalan dan amalan pemesinan mengenai pengisian CNC.

32. Tajuk : *Basic Turning Operation*

Tempoh Masa : 32 Jam

Yuran : RM 1,330.00

Kandungan kursus:

Melalui modul ini, peserta akan mempelajari asas pemasangan ikat benda kerja pada mesin, teknik dan kaedah pemasangan mata alat dan laras mata alat. mempelajari asas melarik dan teknik mengukur menggunakan alat pengukuran asas serta tolok.

33. Tajuk : *CNC EDM Die Sinking*

Tempoh Masa : 32 Jam

Yuran : RM 1,030.00

Kandungan kursus:

Melalui modul ini, peserta akan mempelajari pengenalan kepada EDM *die sinking*, elektrod, dielektrik dan flushing, CNC EDM *die sinking machine*, elektrod pakaian lepasan, penyelenggaraan pencegahan dan aplikasi.

34. Tajuk : *CNC EDM Wire Cut*

Tempoh Masa : 32 Jam

Yuran : RM 780.00

Kandungan kursus:

Melalui modul ini, peserta akan mengkaji *detail drawing*, pilih mesin potong dayar (EDM) *machine electrical discharge machine CNC*, sediakan ruang kerja, sediakan *wire electrode*, jana program potong dawai mesin nyahkan elektrik CNC (EDM), melaksanakan operasi potongan dawai mesin nyahkan elektrik CNC (EDM), pemeriksaan produk siap dan menyediakan laporan pemeriksaan produk.

35. Tajuk : *Intermediate CNC Milling Operations*

Tempoh Masa : 16 Jam

Yuran : RM 280.00

Kandungan kursus:

Melalui modul ini, peserta akan mempelajari operasi pengilang CNC pertengahan, pengenalan kepada program kitaran bertin, sediakan jig pada pengisian CNC, program pemindahan, kawalan numerik terus (DNC).

36. Tajuk : *Basic Aircraft Sheet Metal Repair*

Tempoh Masa : 32 Jam

Yuran : RM 950.00

Kandungan kursus:

Melalui modul ini, peserta akan melaksanakan pembaikan logam lembaran pesawat menggunakan alat, kertas kerja dan manual berkaitan yang sesuai untuk mencapai kualiti mematuhi keperluan yang ditetapkan dalam penerbitan penerbangan awam (civil penerbitan) A.741.

37. Tajuk : *Basic Aircraft Wiring And Looming*

Tempoh Masa : 24 Jam

Yuran : RM 710.00

Kandungan kursus:

Melalui modul ini, peserta akan melakukan amalan pendawaian menggunakan set alat yang sesuai, kertas kerja dan manual berkaitan untuk mencapai kualiti secara mematuhi keperluan yang ditetapkan dalam penerbitan penerbangan awam (CAP) 741 kategori A.

38. Tajuk : Asas Hidraulik

Tempoh Masa : 16 Jam

Yuran : RM 590.00

Kandungan kursus:

Melalui modul ini, peserta akan mempelajari pengetahuan dan kemahiran asas tentang sistem hidraulik dimana peserta akan didedahkan kepada peralatan sistem hidraulik, litar hidraulik dan penyambungan serta pengujian sistem hidraulik secara amali.

39. Tajuk : Asas Pneumatik

Tempoh Masa : 16 Jam

Yuran : RM 490.00

Kandungan kursus:

Melalui modul ini, peserta akan mempelajari pengetahuan dan kemahiran asas berkaitan penggunaan sistem pneumatik yang banyak diaplikasikan pada sistem pergerakan yang ringan. Peserta akan dapat mengenalpasti komponen asas pneumatik, merancang dan melaksanakan penyelenggaraan sistem pneumatik secara amali.

40. Tajuk : Automation System Maintenance

Tempoh Masa : 32 Jam

Yuran : RM 400.00

Kandungan kursus:

Melalui modul ini, peserta akan memilih alat sistem operasi automasi untuk dikekalkan, keperluan penyelenggaraan, keperluan sistem penyelenggaraan automasi, melakukan penyelenggaraan sistem automasi, melakukan ujian fungsi sistem automasi dan hasilkan laporan penyelenggaraan automasi mengikut manual mesin dan peraturan syarikat.

41. Tajuk : *Injection Moulding Trouble Shooting Process*

Tempoh Masa : 16 Jam

Yuran : RM 230.00

Kandungan kursus:

Melalui modul ini, peserta akan di dedahkan dengan teknik serta tip bagi mengesan, mengenalpasti punca serta kaedah mengelakkan *defect* daripada terjadi berulang kali.

42. Tajuk : *Plastik Injection Moulding Operation Start-Up*

Tempoh Masa : 16 Jam

Yuran : RM 260.00

Kandungan kursus:

Melalui modul ini, peserta akan mempelajari kemahiran secara teori dan amali tatacara penggunaan mesin *injection moulding* dengan betul mengikut SOP yang telah ditetapkan. Disamping itu penekanan terhadap keselamatan diri, tempat kerja dan keselamatan persekitaran diterapkan dan diamalkan.

43. Tajuk : Maintenance Of Split Unit Air-Cond

Tempoh Masa : 16 Jam

Yuran : RM 390.00

Kandungan kursus:

Melalui modul ini, peserta akan mempelajari asas keselamatan untuk penyelenggaraan sistem penyaman udara jenis pisah, pengenalan sistem penyaman udara jenis pisah, jenis peralatan dan bahan membuka komponen utama/pumpdown, mencuci penyejat & pemeluap, memasang penyejap /pemeluap serta mencuci *air filter/ vacuum system*.

44. Tajuk : *Watercooled/Aircooled Package System & Maintenance*

Tempoh Masa : 16 Jam

Yuran : RM 1,920.00

Kandungan kursus:

Melalui modul ini, peserta akan fokus kepada kapasiti dan jenis-jenis pakej penyejukan air/penyejukan udara menyervis, menyelesaikan masalah, membaiki dan penyediaan laporan perkhidmatan.

45. Tajuk : Reka Grafik Kreatif Guna Canva

Tempoh Masa : 8 Jam

Yuran : RM 150.00

Kandungan kursus:

Melalui modul ini, peserta akan menggunakan aplikasi canva untuk reka grafik seperti iklan, poster, facebook *cover*, facebook *profile* dan instagram serta whatsapp. Peserta akan mengetahui cara untuk setup dan menggunakan aplikasi canva versi *desktop* dan *mobile* serta fungsi dan kegunaannya secara asas.

46. Tajuk : Reka Penerbitan Majalah / Buletin: Adobe Indesign

Tempoh Masa : 16 Jam

Yuran : RM 270.00

Kandungan kursus:

Melalui modul ini, peserta akan rekabentuk *layout* untuk buletin atau majalah mementingkan gabungan kekemasan, konsistensi serta kreativiti bagi memastikan keseluruhan penerbitan tampak profesional dimata pembaca. Penerangan secara teori dan konsep tentang proses penerbitan majalah atau buletin, disamping memberi tunjuk ajar cara penggunaan Adobe Indesign dalam proses menyusun kandungan secara teratur tetapi kreatif. Pembelajaran praktikal secara langsung, memberikan para peserta kefahaman yang lebih baik, untuk mengikuti modul yang ditunjukkan secara satu persatu.

47. Tajuk : *Basic Knowledge Of Non-Destructive Testing–Magnetic Particle Testing*

Tempoh Masa : 24 Jam

Yuran : RM 770.00

Kandungan kursus:

Melalui modul ini, peserta akan mempelajari pengetahuan dan kemahiran asas ujian tanpa musnah (*non-destructive testing*) melalui keadah pengujian zarah magnetik (*magnetic particle testing*). Peserta juga akan didedahkan secara teori berkenaan magnetisme, penghasilan medan magnet, bahan yang digunakan, aplikasi ujian, kod dan standard, pemerhatian, tafsiran & penilaian dan keselamatan semasa pengujian serta latihan amali.

48. Tajuk : *Basic Knowledge Of Non-Destructive Testing - Penetrant Testing*

Tempoh Masa : 24 Jam

Yuran : RM 760.00

Kandungan kursus:

Melalui modul ini, peserta akan mempelajari pengetahuan dan kemahiran asas ujian tanpa musnah (*non-destructive testing*) melalui keadah pengujian menembusi (*penetrant testing*). peserta juga akan didedahkan secara teori berkenaan magnetisme, penghasilan medan magnet, bahan yang digunakan, aplikasi ujian, kod dan standard, pemerhatian, tafsiran & penilaian, keselamatan semasa pengujian serta latihan amali.

49. Tajuk : *Optik Gentian CA1C & CA2C-Fiber To The HOME (FTTH)*

Tempoh Masa : 40 Jam

